

Masalah terlalu ramai jaguh...

Ⓟ

BM 29 OCT 1988

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perpecahan akan terus berlaku jika begitu banyak kumpulan dan pertubuhan cuba menunjukkan kehandalan masing-masing kononnya berusaha hendak menyatupadukan orang Melayu.

Sebaliknya, Presiden Umno berkata, mereka hendaklah menyertai golongan majoriti.

Menurutnya, jika ada pihak yang hendak membuat kongres menyatupadukan orang Melayu sementara yang lain pula turut melakukan usaha yang sama, lama-lama menjadi begitu banyak kongres sehingga wujud perpecahan.

"Sepatutnya satu pihak sahaja yang berusaha menyatukan orang Melayu sama seperti yang dilakukan oleh Umno dan semua ikut, perpecahan tidak akan berlaku," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno di sini, hari ini.

Beliau meminta kumpulan kecil menyertai golongan majoriti dan bukan sebaliknya untuk memastikan usaha ke arah menyatupadukan orang Melayu tercapai.

"Adalah tidak logik golongan majoriti menyertai mereka. Kita sanggup menerima sesiapa sahaja menyertai Umno kerana kita se-

dar ia adalah sebuah parti Melayu terbesar di negara ini," katanya.

Perdana Menteri kesal ada pihak yang tidak menerima apa yang Umno lakukan, sebaliknya hendak menganjurkan kongres perpaduan orang Melayu yang lain dan lama kelamaan wujud pula sepuluh kongres seperti itu.

"Macam mana kita hendak menyatupadukan orang Melayu jika begitu banyak pihak nak buat kongres," katanya.

Katanya, beliau nampak ada usaha pihak tertentu untuk menggalakkan pihak yang berpecah untuk berpakat dan berbincang bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh orang Melayu termasuk golongan intelek.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin langkah menyatupadukan orang Melayu akan tercapai berikutan usaha yang dijalankan oleh Umno.

"Keahlian parti terbuka kepada sesiapa yang sedia menerima dasar perjuangan parti.

"Kalau saya nak kata kepada komunis atau sosialis nak masuk Umno kerana dia semata-mata orang Melayu, tak jadilah. Dia kena setuju dengan perjuangan serta dasar parti.

"Tidak ada makna penyertaan seseorang itu dalam parti jika tidak setuju dengan cita-cita dan dasar parti," katanya.